

15 MAR 2000

DR MAHATHIR TIBA UNTUK SAMBUT AIDILADHA DI KEDAH

ALOR SETAR, 15 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tiba di Lapangan Terbang Sultan Abdul Halim, Kepala Batas, dekat sini, pada pukul 4.10 petang untuk menyambut Aidiladha esok.

Beliau akan berada di sini sehingga hari Jumaat.

Di lapangan terbang itu kemudiannya Dr Mahathir diberi taklimat oleh Menteri Besar Datuk Seri Syed Razak Syed Zain mengenai pembangunan negeri ini.

Dr Mahathir dijadul menyerahkan lembu-lembu untuk ibadat korban di Taman Mahsuri di Bandar Darul Aman, Masjid Kampung Lembah Palas di Changlun dan di kediaman rasminya di Titi Gajah, pada petang ini.

Beliau akan menunaikan solat sunat Aidiladha di Masjid Akar Peluru, Jalan Pegawai, di sini, sebelum mengadakan majlis rumah terbuka di Dewan Jitra, pukul 10.30 pagi sehingga 4 petang esok.

Pada hari raya kedua Perdana Menteri dijadualkan menghadiri jamuan hari raya bersama penduduk di Masjid Paya Sena, Pendang serta bersembahyang Jumaat di situ sebelum berlepas pulang ke ibu negara.

-- BERNAMA

JM MZM NMO